

# Najib percaya duit masuk akaun adalah derma

HH - 10/12/2019 m/s: 8

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak tidak pernah cuba mengesahkan secara rasmi dengan Wisma Putra sama ada wang dimasukkan dalam akaun Am-Bank peribadinya adalah wang derma.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ini kerana Raja Arab Saudi iaitu Raja Abdullah secara peribadi memaklumkan perkara itu kepadanya ketika kunjungan pemimpin terbabit ke negara ini pada Januari 2010.

Selain itu, ia juga berdasarkan kepada peranan dimainkan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low yang dipercayai Najib mempunyai hubungan dengan keluarga diraja Arab Saudi yang diiktiraf sebagai perantara.

“Saya tidak mempunyai alasan munasabah untuk meragui kesahihan derma itu. Oleh itu, saya percaya dana dimasuk-

kan ke dalam akaun bank saya berasal daripada derma yang diterima dalam satu lagi akaun bank yang sudah ditutup,” katanya ketika membacakan pernyataan saksi dalam perbicaraan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM42 juta milik SRC Interbational Sdn Bhd, semalam.

Berikutan itu, beliau menggunakan dana berkenaan bagi tujuan politik, sosial dan kebajikan yang menjurus kepada tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Najib berkata, Allahyarham Datuk Azlin Alias yang juga Ketua Setiausaha Sulit beliau ketika itu ada memberitahunya sumbangan ke arah usaha CSR boleh dibuat melalui Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M).

Beliau berkata, Azlin adalah seorang pemegang amanah

YR1M dan beliau (Najib) percaya sumbangan itu akan diberikan kepadanya jika ia diluluskan Ahli Lembaga Pemegang Amanah.

“Sekitar 2014, Azlin juga ada memberitahu saya derma lanjut juga diterima daripada Raja Abdullah melalui pemindahan mata wang asing.

“Saya percaya perkara itu semestinya dimaklumkan kepada Azlin oleh Jho Low.

“Saya pernah ditunjukkan surat bertarikh 1 Jun 2014 daripada wakil Raja Abdullah yang sama seperti tiga surat terdahulu. Saya difahamkan kewujudan derma ini dan surat itu dilaporkan kepada pihak bank, Bank Negara Malaysia dan Tan Sri Zeti Akhtar Aziz (bekas Gabenor Bank Negara) secara langsung.

“Ini membentuk asas kepada kepercayaan saya bahawa sebarang jumlah dalam akaun baharu adalah dana yang boleh saya

gunakan atas budi bicara mutlak saya,” katanya.

Sementara itu, Najib berkata, bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC International Sdn Bhd (SRC), Nik Faisal Ariff Kamil diberikan kuasa membuat semakan ke atas baki akaun termasuk pengesahan cek berjumlah RM250,000 bagi akaun baharunya.

Pelantikan Nik Faisal itu dimaklumkan kepada Najib oleh Azlin.

Terdahulu, Najib berkata, beliau tidak dapat memastikan nombor akaun baharu yang tertera dalam dokumen (surat) ditunjukkan kepadanya kerana ia kelihatan seperti tidak lengkap.

Katanya, surat itu ditunjukkan kepadanya ketika memberikan kenyataan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Dalam rakaman percakapan bersama SPRM, saya ada ditun-

jukkan surat ini, namun tidak dapat memastikan kandungan surat itu.

“Sekiranya dilihat di ruang tandatangan, ia ditandatangani saya tetapi tidak diberitahu terdapat dokumen lain dalam simpanan pihak bank di mana tiada dokumen asal.

“Menyedari hal ini dan kewujudan dokumen lain, saya percaya tandatangan saya dipalsukan. Saya tidak dapat mengesahkan kebenaran dokumen ini,” katanya.

Najib berkata, Nik Faisal mempunyai mandat menyemak dan mengesahkan cek seperti diberitahu Azlin.

Bagaimanapun beliau tidak mengingati sama ada bekas setiausaha sulitnya itu ada memberitahu Nik Faisal turut diberi kuasa menjalankan transaksi debit melalui tiga akaun baharu miliknya.